

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK - BN]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN (NO. 27)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan gym rakyat di setiap Parlimen dan berapakah jumlah bajet yang diberikan setiap tahun untuk membina, membaiki dan membeli peralatan dan mesin baru untuk gym rakyat.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

- 1) Kementerian ini telah membina 81 buah Gimnasium 1 Malaysia di seluruh Negara dan buat masa ini Kementerian tiada sebarang perancangan untuk membina Gimnasium 1 Malaysia di setiap Parlimen. Pada ketika ini, perancangan Kementerian lebih fokus untuk menaik taraf 81 buah Gimnasium 1 Malaysia diseluruh negara.

- 2) Untuk makluman YB, pada tahun ini Kementerian menyediakan sedikit peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan dan pembangunan gym untuk 80 Gimnasium 1 Malaysia di seluruh Negara bagi tempoh satu tahun. Peruntukan ini meliputi kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan, bayaran utiliti dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]**

TARIKH : 09 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : 28

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah masa perjalanan terpantas keretapi di laluan-laluan berikut iaitu KL-Alor Setar, KL-JB dan KL-Tumpat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan antarabandar KTMB telah beroperasi di atas landasan berkembar elektrik bagi sektor Gemas – Padang Besar dan landasan tunggal bagi sektor Gemas – Woodlands dan Gemas – Tumpat.

Jumlah masa perjalanan tren-tren antarabandar bagi sektor Kuala Lumpur – Alor Setar, Kuala Lumpur – Johor Bharu dan Kuala Lumpur – Tumpat adalah berdasarkan jadual waktu yang dikeluarkan oleh KTMB seperti berikut:

Bil.	Sektor	Masa Perjalanan
1.	Kuala Lumpur – Alor Setar	9 Jam 56 Minit
2.	Kuala Lumpur – Johor Bharu	6 Jam 35 Minit
3.	Kuala Lumpur – Tumpat	15 Jam